

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.7 HINGGA NO. 79)

JAWAPAN SOALAN NO.1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN NO. 49 DAN NO.72

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 6)**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 11 MAC 2015

SOALAN:

YB Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kementerian akan merangka strategi bagi menambah baik usaha menyelamatkan serta sistem penyampaian bantuan bencana banjir bagi mangsa banjir yang tinggal jauh di pedalaman Baram yang tidak mempunyai akses kepada jajaran jalan raya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar dan mekanisme pengurusan bencana sedia ada secara jelas menerangkan mengenai peranan dan tanggungjawab setiap agensi dalam pengurusan bencana, termasuklah peranan Jawatankuasa Pengurusan Bencana sebagai penggerak utama koordinasi persediaan dan tindak balas pada peringkat sebelum, semasa dan selepas bencana. Jawatankuasa Pengurusan Bencana ini dibahagikan kepada pengurusan di peringkat Daerah, Negeri dan Pusat yang mana masing-masing diterajui oleh Pegawai Daerah atau Residen; YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Oleh yang demikian, bagi merangka dan menyelaras peringkat Kesiapsiagaan serta Tindak Balas bencana, Pegawai Daerah atau Residen selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di sesuatu Daerah perlu mengambil peranan lebih aktif bagi memastikan aspek persediaan sebelum, semasa dan selepas bencana dirangka dengan lebih berkesan dan praktikal dan bukan hanya menunggu tindakan daripada pihak yang lain.

Penyediaan pangkalan hadapan sebagai tempat penyimpanan barangan makanan bagi tempoh 3 hari penggunaan, sistem komunikasi kecemasan, persediaan aset bencana seperti bot penyelamat dan lain-lain persediaan hendaklah dirancang dengan rapi bagi memastikan semua keperluan dapat digunakan dalam tempoh bencana.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

**SOALAN : Dato' Nik Mazian bin Nik Mohamad
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
berapa jumlah tangkapan ikan di perairan
Malaysia dalam tempoh lima tahun yang
lepas. Berapa banyak tangkapan kapal-
kapal nelayan asing sepanjang tempoh
yang sama.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2010 hingga tahun 2014, jumlah tangkapan ikan marin di perairan Malaysia adalah berjumlah 7.12 juta tan metrik dengan nilai RM38.22 bilion. Pendaratan ikan marin ini adalah merangkumi tangkapan laut pantai dan laut dalam.

Dalam tempoh dari tahun 2010 hingga tahun 2013, pengeluaran terbesar adalah pada tahun 2013 iaitu sebanyak 1.48 juta tan metrik dengan nilai

RM8.34 bilion yang merupakan 84.8% daripada jumlah pengeluaran ikan Negara.

Perikanan pantai merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan pengeluaran ikan Negara iaitu sebanyak 77.6% pada tahun 2010, 79.1% pada tahun 2011, 77.2% pada tahun 2013 dan 81.2% pada tahun 2013. Jumlah tangkapan perikanan ikan pantai ini meningkat disebabkan oleh pertambahan vesel-vesel berlesen pada tahun 2013 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Bagi tahun 2014, data awalan pendaratan hasil tangkapan perikanan marin adalah sebanyak 1.37 juta tan metrik bernilai RM8.31 bilion. Sebahagian besar iaitu 1.11 juta tan metrik (81.2%) merupakan perikanan pantai manakala selebihnya adalah daripada perikanan laut dalam.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa memantau pencerobohan kapal-kapal nelayan asing yang beroperasi menangkap ikan di Perairan Malaysia. Berdasarkan kepada rekod jumlah tangkapan kapal-kapal nelayan asing dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2010 hingga tahun 2014, sebanyak 390 kes tangkapan telah dilakukan seperti berikut:

Tahun	Bilangan Tangkapan Vesel Penangkapan Ikan Asing
2014	79
2013	66
2012	61
2011	70
2010	114
Jumlah	390

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian peperiksaan PT3 yang diperkenalkan mulai tahun 2014 bagi menggantikan UPSR, dan adakah ia mencapai sasaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan merupakan komponen Pentaksiran Pusat (PP) yang terdapat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PT3 merupakan pentaksiran sumatif yang setara di Tingkatan 3 bagi menilai pencapaian akademik murid. Ini bermakna PT3 mentaksir aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara menyeluruh di peringkat menengah rendah. Pelaksanaan ini adalah selari dengan anjakan pertama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah

membuat analisis terhadap pencapaian calon bagi PT3 2014. Prestasi item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kertas peperiksaan PT3 juga telah diteliti dan penambahbaikan akan dilakukan terhadap persembahan item yang melibatkan penggunaan stimulus secara ekstensif dalam konteks baharu untuk menjana kemahiran inferens dan penaakulan kritikal.

RJM10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan sehingga hari ini, berapa peratus dari 15
Strategi Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2008 yang terhasil dari
Konvensyen OKU 2007 telah dilaksanakan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah diluluskan pada 21 November 2007. Penggubalan dasar ini adalah sejajar dengan Konvensyen Mengenai Hak OKU yang telah ditandatangani oleh negara pada tahun 2008 dan seterusnya diratifikasi pada tahun 2010. Dasar ini menjadi asas kepada kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat.

Dasar OKU telah menggariskan 28 strategi yang dikategorikan kepada 15 bidang iaitu advokasi, aksesibiliti, kesihatan, pemulihan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan diri dan perlindungan sosial, perkhidmatan sokongan, sosial, pembangunan sumber manusia, penglibatan masyarakat, penyelidikan dan pembangunan, perumahan, kanak-kanak OKU dan wanita OKU.

Bagi memastikan pelaksanaan strategi-strategi di atas dengan lebih berkesan, Kerajaan telah menyediakan Pelan Tindakan OKU. Pelan ini penting kerana pelaksanaan Dasar OKU melibatkan pelbagai

kementerian / agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta, ahli akademik, pakar perubatan, pekerja sosial dan masyarakat keseluruhannya. Sehubungan itu, Dasar OKU diterjemahkan dalam bentuk projek, program dan aktiviti untuk memudahkan *stakeholders* yang berkaitan melaksanakannya dengan sempurna.

Di samping itu, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (“Majlis”) telah diwujudkan di bawah Seksyen 3, Akta Orang Kurang Upaya 2008 bagi memantau, menyelaraskan dan menilai pelaksanaan dasar-dasar dan pelan tindakan berkaitan OKU oleh agensi Kerajaan yang berkaitan dan lain-lain penyedia perkhidmatan. Majlis ini juga berfungsi sebagai platform bagi merancang pelbagai program dan aktiviti dalam usaha memastikan golongan OKU di negara ini menikmati kesaksamaan hak dan peluang sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Bagi membantu Majlis melaksanakan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan, Majlis telah menubuhkan 6 buah jawatankuasa iaitu:

- (i) Jawatankuasa Pendidikan (diterajui oleh Kementerian Pendidikan);
- (ii) Jawatankuasa Pekerjaan (diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia);

- (iii) Jawatankuasa Pendaftaran OKU (diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat);
- (iv) Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Ahli Majlis); dan
- (v) Jawatankuasa “*Quality Life Care*” (diterajui oleh Kementerian Kesihatan); dan
- (vi) Jawatankuasa Pengangkutan (diterajui oleh Kementerian Pengangkutan).

Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan dan diterajui oleh kementerian-kementerian yang berkenaan turut bertanggungjawab membantu Majlis melaksana dan memantau pelaksanaan strategi-strategi yang terkandung dalam Dasar dan Pelan Tindakan OKU.

Berdasarkan laporan pemantauan pelaksanaan Pelan Tindakan OKU oleh kementerian / agensi Kerajaan, inisiatif dan langkah-langkah telah diambil oleh agensi-agensi pelaksana yang berkaitan berpandukan 28 strategi yang termaktub dalam Pelan Tindakan OKU. Secara umumnya, sebahagian besar daripada strategi tersebut telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2008 sehingga kini. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat ruang untuk

diperkemas dan dipertingkatkan lagi Pelan Tindakan OKU tersebut bagi memastikan pelaksanaannya dapat memberi manfaat dan impak secara langsung kepada kesejahteraan OKU.

Selaras dengan komitmen terbaharu negara di peringkat antarabangsa melalui penerimaan terhadap *Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific* pada tahun 2012 serta mengambil kira faktor di mana Pelan Tindakan OKU sedia ada telah memasuki tahun ketujuh pelaksanaannya, KPWKM sedang di peringkat akhir semakan semula Pelan Tindakan OKU sedia ada bagi memperkemas lagi strategi pelaksanaannya bagi tempoh 2015 hingga 2022. Langkah ini merupakan salah satu strategi Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi kerangka dasar sedia ada dalam usaha mengarusperdanakan OKU serta memastikan penyertaan efektif mereka dalam masyarakat.